

Sekitar pilihan raya kampus

Kejutannya undian tertinggi

Azam perjuang kebajikan warga Kuktem

>>Oleh Nor Hairulnizam Wahid

hairulnizam@hmetro.com.my

KUANTAN: "Saya terkejut apabila mendapat tahu menerima undian tertinggi dan saya hargai kepercayaan yang diberikan warga Kuktem," kata Luq Luq Jamaluddin, 21, calon kerusi umum Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem).

Luq Luq, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik memenangi 2,061 undi meninggalkan penerima undi kedua terbanyak, Mohd Addly Suhaimi dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli dengan 1,794 undi.

"Saya dan rakan lain akan berusaha memperjuangkan kebajikan pelajar kolej ini agar kemudahan yang disediakan sebanding dengan IPTA lain," katanya yang turut ditemani empat lagi pemenang kerusi umum.

Selain Luq Luq dan Mohd Addly, kerusi umum Pilihanraya MPP-Kuktem turut dimenangi Nurul Farhana Bani (Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam); Shuhairy Said (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal); dan Shaiful Suliman (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli).

Menurut Mohd Addly, banyak lagi isu kebajikan pelajar akan diperjuangkan seperti pusat aktiviti pelajar yang perlu diwujudkan bagi membolehkan pelajar menjalankan aktiviti kelab dan persatuan.

"Terdapat 20 kelab dan persatuan di Kuktem tetapi apabila mengadakan aktiviti, kami terpaksa menggunakan bilik mesyuarat fakulti," katanya yang turut ditemani Shuhairy dan Shaiful.

Bagi Shuhairy dan Shaiful, amanat yang diberikan lebih 3,000 pelajar Kuktem akan dimanfaatkan sebaiknya bagi memperjuangkan kebajikan warga kampus.

Pilihan raya berkenaan turut menyaksikan seramai empat daripada 15 calon yang terpilih



LUQ LUQ...tak sangka

mengisi tempat dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kuktem 2006/2007 tidak menghadapi laluan sukar apabila menang tanpa bertanding dalam pilihan raya itu.

Empat calon terbabit ialah Fathul Naim Abdul Jamil dan Mohd Ubaidallah Abd Rashid dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal; Mohd Khalis Sulaiman dan Low Cay Ling dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Tiga fakulti menyaksikan pertandingan ialah Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian dimenangi Nor Sabrina Annuar dan Mohd Yusri Md Yusoh; Mohd Suhaili Zakaria dan Nur Munira Abdul Wahab (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli); Nik Hidayati Nik Ubaidillah dan Firzulia Ahmad Termizi (Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam).

Setiausaha Sekretariat Pilihanraya MPP-Kuktem, Saharudin Ramli berkata, 11 daripada 20 calon yang menawarkan diri bertanding menang pada pemilihan berkenaan, manakala empat menang tanpa bertanding sebaik proses pengiraan undi tamat jam 6.30 petang.

Menurutnya, proses pembuangan dan pengiraan undi sepanjang pilihan raya itu berjalan lancar dan terkawal.